

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH :

SOALAN : 103

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyarankan kepada Lembaga Wakaf Hindu untuk menyelia ke semua kuil-kuil Hindu (yang berdaftar) dan mewujudkan koordinisasi yang sistematik (seperti jawatankuasa penasihat) dalam menjaga hal ehwal penganut agama Hindu.

**JAWAPAN: (Oleh YB Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri di
Jabatan Perdana Menteri)**

Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (Lembaga) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan melalui Ordinan Wakaf-Wakaf Hindu dan Islam Ordinan 17, Tahun 1905 oleh Pentadbiran Penjajah Inggeris untuk Negeri-negeri Selat. Pada tahun 1966, Proklamasi (Pemansuhan) Wakaf-Wakaf Hindu dan Islam diperkenalkan untuk memasukkan kuasa Ordinan ini ke atas mana-mana wakaf yang berkenaan dengan wakaf-wakaf yang diberikan atau akan diberikan kepada mana-mana masjid di Negeri Pulau Pinang.

Lembaga ditubuhkan untuk:

- (i) mentadbir, menyelenggara dan menyelia wakaf-wakaf Hindu yang telah pun diberi atau akan diberi untuk maksud keagamaan, kebajikan, khairat dan untuk memberi manfaat termasuk sekolah;
- (ii) menyimpan kira-kira harta benda termasuk wang dan barang-barang kemas;
- (iii) menyiasat mana-mana kuil Hindu di Pulau Pinang dan membuat laporan untuk Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di bawah Seksyen 4 Ordinan, sama ada ia perlu ditadbir oleh Lembaga atau sebaliknya apabila sesuatu kuil itu didapati berada dalam keadaan salah urus, tiada pemegang amanah dan jika pentadbirannya di bawah Lembaga akan memberi manfaat kepada kuil berkenaan.

Dalam Seksyen 3 Ordinan Wakaf-Wakaf Hindu, Bab 17 telah dinyatakan:-

- (i) *The Governor may appoint a Board consisting of three or more Commissioners, one of whom at least be an officer of the Government for the administration, management and superintendence of endowment, and may make rules for the meeting of such meeting and the conduct of the business of such Boards and of the officers.*
- (ii) *Every such Board shall be a body corporate having perpetual succession and a common seal.*

Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, pentadbiran Lembaga diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sejak itu hingga masa kini, Pengerusi Lembaga yang dilantik oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan persetujuan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang merupakan ahli EXCO Kerajaan Negeri. Namun demikian, YB Timbalan Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang telah dilantik untuk mempengerusikan Lembaga sejak tahun 2008.

Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perdana Menteri hanya memantau di bawah Akta Tugas-Tugas Menteri 1969 dan membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang kepada Jemaah Menteri dan Parlimen pada setiap tahun. Kementerian-kementerian yang membentangkan laporan adalah:-

- i) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Malaysia dari tahun 2000 hingga 2005;
- ii) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dari tahun 2005 hingga 2014; dan

- iii) Unit Pembangunan Penjaja, Peniaga Kecil dan Wakaf Hindu Pulau Pinang di Jabatan Perdana Menteri pada masa kini.

Memandangkan kuasa pentadbiran Lembaga adalah di bawah kawalseliaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, maka adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam penubuhan Lembaga Wakaf Hindu di negeri masing-masing. Kerajaan Negeri yang ingin menubuhkan satu Lembaga Wakaf Hindu boleh dilakukan melalui Enakmen yang khusus di Dewan Undangan Negeri masing-masing.

Tambahan pula, isu tanah adalah di bawah bidang kuasa negeri dan memandangkan bahawa kebanyakan isu-isu didapati melibatkan kuil dan juga tanah perkuburan yang juga sebahagian daripada isu tanah secara khususnya. Oleh itu, Kerajaan Negeri adalah pihak berkuasa yang tepat untuk dirujuk dalam aspek penubuhan dan pentadbiran Lembaga Wakaf Hindu di negeri masing-masing seperti mana Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang telah lama ditadbir oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dipengerusi oleh YB Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGAM]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan kelas asasi perlembagaan (classes on constitutional rights) di peringkat sekolah menengah dalam meningkatkan kesedaran dalam isu Perlembagaan, hak asasi manusia dan pemahaman toleransi antara masyarakat dalam negara yang berbilang latar belakang, Malaysia.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kurikulum Sejarah yang sedia ada dan sedang dilaksanakan memang menekankan hasrat kerajaan dalam memperkenalkan dan memahami Perlembagaan Negara. Tajuk berkaitan Perlembagaan Negara memang terdapat dalam Kurikulum Sejarah dan dibincangkan dalam kurikulum Sejarah Tingkatan Lima iaitu dalam tema Pembinaan Negara dan Bangsa ke Arah Kemunculan Negara Malaysia Berdaulat. Memandangkan keprihatinan pelbagai pihak tentang tajuk ini, kurikulum Standard Sejarah yang sedang digubal juga mengambil kira pandangan, input dan nasihat berkaitan dengan Perlembagaan Malaysia untuk dibincangkan dalam penggubalan kurikulum sejarah yang baharu.

Dalam kurikulum Sejarah KSSR pemahaman dan pengetahuan tentang Perlembagaan Negara disampaikan untuk membina pemahaman murid sesuai dengan tahap

kematangan dan aras pembelajaran murid tentang latar belakang sejarah dan warisan negara yang mendasari asas pembinaan negara Malaysia pada hari ini.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak bercadang untuk memperkenalkan Perlembagaan Negara sebagai satu mata pelajaran di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah pada masa ini kerana konsep memahami dan memupuk kesedaran dalam isu Perlembagaan, hak asasi manusia dan pemahaman toleransi antara masyarakat dalam negara yang berbilang kaum dan budaya serta sejarah telah disepadukan dengan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah dan menengah.

Kesimpulannya, setiap murid yang mengikuti tahun-tahun persekolahan di sekolah kebangsaan, dari peringkat rendah hingga menengah, diajar dan dididik dengan konsep memahami, menghormati dan menghayati perlembagaan negara.